

Dr M beri keterangan isu kesetiaan kaum India

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam memberi keterangan kepada polis, dipercayai berkaitan kenyataannya mengenai kesetiaan masyarakat India di negara ini.

Proses merekodkan keterangan Dr Mahathir itu berlangsung hampir sejam bermula jam 4.04 petang oleh tiga pegawai polis dari Bukit Aman, di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini.

Terdahulu, kenderaan jenis

Lexus yang membawa Dr Mahathir memasuki pekarangan yayasan berkenaan jam 2.37 petang.

Dakwaan Dr Mahathir bahawa masyarakat India di negara ini tidak setia sepenuhnya kepada Malaysia menerusi satu temu bual bicara saluran TV satelit di India, baru-baru ini sehingga mengundang kecaman ramai.

Beliau mendakwa, masyarakat India di negara ini masih

terikat dengan negara asal mereka.

Kenyataan bekas Perdana Menteri itu kemudian ditempelak banyak pihak dan terdapat beberapa pihak yang bertindak membuat laporan polis.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut mengecam dan menyifatkan kenyataan bekas Ahli Parlimen Langkawi itu sebagai tidak ber-

tanggungjawab.

Sementara itu bercakap kepada pemberita selepas merekodkan keterangannya, Dr Mahathir mempersoalkan kenapa beliau disoal siasat seperti 'penjenayah' sehingga 10 kali oleh polis hanya kerana menyuarakan pendapatnya.

Malah, katanya beliau disoal siasat berhubung soal kesetiaan masyarakat India dan China di negara ini sedangkan ramai yang berbuat demikian yang me-

nyentuh isu 3R tetapi tidak disiasat.

Katanya lagi, mereka yang disenaraikan dalam laporan Kertas Pandora dan Panama juga masih bebas tanpa disiasat.

"Saya tidak lihat apa yang salah telah saya lakukan. Saya mempunyai hak untuk menyatakan pendapat dan pendirian saya.

"Saya akan menjawabnya di mahkamah apabila kes saya dibawa nanti," katanya.